

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI GEORGE TOWN  
DALAM NEGERI PULAU PINANG  
[SEMAKAN KEHAKIMAN NO: PA-25-4-01/2021]**

**Dalam Perkara mengenai  
Permohonan Semakan Kehakiman  
permohonan untuk mendapatkan  
perintah deklarasasi dan *mandamus*;  
  
DAN perkara-perkara lain.**

**ANTARA**

**NURUL SHAFIKA BINTI ABDULLAH**

(MyKad No: 970415-07-5774)

**... PEMOHON**

**DAN**

**KETUA PENGARAH PENDAFTARAN NEGARA**

**... RESPONDEN 1**

**KERAJAAN MALAYSIA**

**... RESPONDEN 2**

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

**... RESPONDEN 3**

**Latarbelakang**

[1] Pemohon pada masa material adalah seorang perempuan yang dilahirkan Muslim pada 15 April 1997 di Georgetown, Pulau Pinang. Ibu Pemohon iaitu Miniloma Binti Adam @ Ah Tang juga adaiah seorang Muslim sejak lahir. Pemohon menyatakan bahawa sejak berumur 18 tahun iaitu pada 15/04/2015 sehingga sekarang, Pemohon hanya menganuti dan mengamalkan agama Buddha dan Pemohon juga

menyatakan bahawa pada 15/10/2020 secara mutlaknya Pemohon telah menolak dan menggugurkan penggunaan nama “Nurul Shafika binti Abdullah” dan menggantikan kepada “Carol Chong Yee Chia.”

[2] Pemohon telah mengikrarkan surat akuan pada 10/10/2020 untuk menolak dan menggugurkan penggunaan nama Nurul Shafika dan telah membuat permohonan untuk mendapatkan kad pengenalan gantian di pejabat Jabatan Pendaftaran Negara cawangan di Pulau Pinang dan menuntut agar perkataan “Islam” digugurkan daripada kad pengenalan gantian tersebut. Walau bagaimanapun, pemohon menyatakan bahawa pegawai yang mengendalikan urusan Pemohon di kaunter enggan menerima dan memproses permohonan tersebut, melainkan jika Pemohon membekalkan apa-apa perintah daripada Mahkamah Tinggi Syariah.

[3] Responden 1 dan Responden 2, yang diwakili oleh Peguam Negara, hadir dalam prosiding berkenaan semasa pendengaran Lampiran 1, dan tiada bantahan direkodkan berkenaan dengan Semakan Kehakiman.

Kebenaran untuk Semakan Kehakiman [Lampiran 1] telah dibenarkan pada 14 Januari 2021, Responden 3 telah memfailkan Permohonan untuk membatalkan pendengaran Semakan Kehakiman [Lampiran 12] di bawah **Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012** [Lampiran 21]

[4] Responden 3 juga tidak memfailkan apa-apa rayuan terhadap Lampiran 12 yang membenarkan Semakan Kehakiman didengar atas substantive.

[5] Dalam Permohonan Semakan Kehakiman ini yang difailkan selaras dengan peruntukan di bawah **Aturan 53 Kaedah 3(1) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012**, bagi mendapatkan relif-relif berikut, iaitu:

- a) Perintah deklarasi untuk mengisytiharkan bahawa Pemohon adalah penganut dan pengamal agama Buddha;

- b) Perintah *mandamus* untuk mengarahkan RESPONDEN 1 mendaftarkan pertukaran nama PEMOHON daripada “NURUL SHAFIKA BINTI ABDULLAH” kepada “CAROL CHONG YEE CHIA”, dalam daftar yang dirujuk di bawah **Peraturan 11(4) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990;**
- c) Perintah *mandamus* untuk mengarahkan Responden 1 mengeluarkan kad pengenalan gantian kepada Pemohon dengan nama baharu, selaras dengan peruntukan di bawah **Peraturan 14(4) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990;**
- d) Perintah *mandamus* untuk mengarahkan Responden 1 menggugurkan perkataan “ISLAM” daripada kad pengenalan gantian itu, selaras dengan peruntukan di bawah peraturan 5(2) **Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990**, dibaca bersama **Jadual Pertama kepada Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990;** dan
- e) Perintah *mandamus* untuk mengarahkan Responden 2 dan Responden 3 memberi kesan kepada perintah ini sepenuhnya.

### **Permohonan Lampiran 21**

[6] ini adalah permohonan yang difailkan oleh Responden 3 melalui Notis Permohonan bertarikh 15 Julai 2021[(Kandungan 21)] untuk membatalkan kebenaran permohonan Semakan Kehakiman [Lampiran 12]

[7] Aiasan utama Responden 3 dalam pemfaiian Kandungan 21 adalah Mahkamah Yang Mulia ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar Kandungan 12 kerana hanya Mahkamah Tinggi Syariah yang mempunyai bidangkuasa sedemikian.

**Isu-isu di hadapan mahkamah.**

- (a) Sama ada pemfaiian Kandungan 21 bertentangan dengan Aturan 53 kaedah 9 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012; dan
- (b) sama ada Kandungan 1 telah diputuskan pada 4 Mac 2021, dan oleh itu doktrin-doktrin *res judicata* dan *functus officio* menghaiang Mahkamah Yang Mulia ini mendengar Lampiran 21.

**Hujahan Responden 3**

[8] Berdasarkan peruntukan yang dinyatakan di atas, maka adaiah diujahkan bahawa kebenaran (leave) untuk Semakan Kehakiman yang telah diberikan kepada Pemohon tidak menghalang pihak Responden Ketiga untuk mencabar Pemohon di bawah **Aturan 18, Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012** dan sewajarnya Permohonan Plaintiff diketepikan atas alasan dan hujahan hujahan seperti dinyatakan di dalam ini.

**Hujah Pemohon**

Pemohon pula berhujah Mahkamah Yang Mulia ini hendaklah membatalkan Lampiran 21 kerana ia adaiah bertentangan dengan **Aturan 53 kaedah 7 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012** dan juga kerana Lampiran 1 telah diputuskan dan tidak boleh dibatalkan secara retrospektif melalui Lampiran 21. Pemohon juga memohon agar Mahkamah Yang Mulia ini menolak Lampiran 21 kerana prosiding yang dimulakan melalui Lampiran 1, yang kini disambung melalui Kandungan 12, adaiah bukan jelas tidak boleh dikekalkan (*not obviously unsustainable*).

## **Pemfailan Kandungan 21 bertentangan dengan Aturan 53 kaedah 9 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012**

[9] Responden 3 berhujah terdapat isu yang sama dibangkitkan dan diujahkan di dalam kes *Ong Keh Keong v. Lembaga Tata tertib Peguam-Peguam* [2020] MLJU 1285:

(i) Whether a judicial review application may be struck out by an application under **Order 18 rule 19 ROC 2012** after an order for leave has been granted.

Hakim Mahkamah Rayuan yang bijaksana telah memutuskan seperti berikut;

“It is clear from the wordings of O. 53 r. 3(1) and (2) that the application for leave is only *ex parte* which means that the respondent does not have the right of appearance. The proper procedure for the respondent to file the application would be only when the court has granted *ex parte* leave to the applicant and that order is extracted and served on them. It is the service of the *ex parte* order together with the cause papers on the respondent that makes the respondent parties to the proceedings. It follows that the respondents can only file the application after leave to commence judicial review proceedings was granted by the court. Therefore, the learned High Court judge has not erred in law when he allowed the respondent’s application to strike out the applicant’s judiciary review application after leave has been granted.”

Responden 3 berhujah mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan isu ini.

[10] Untuk membatalkan kes di bawah Aturan 18 kaedah 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 panduan yang diberikan oleh nas-nas yang yang sentiasa menjadi rujukan seperti diputuskan dalam kes-kes:

*Bandar Builder Sdn Bhd v. UMBC* [1993] 3 MLJ 36 di mana diputuskan bahawa “the court will proceed this summarily trial without permitting parties to proceed with a full trial. As long as triable issues can be shown, the matter in disputes will be set for full trial or hearing by the court”.

[11] Dalam kes kita, apabila Mahkamah membenarkan kebenaran untuk Semakan Kehakiman, maka telah diputuskan ianya tidak remeh dan perlu dibicarakan. Isu yang sama juga telah dibangkitkan dalam pernyataan di bawah Aturan 53 oleh pihak Pemohon semasa peringkat kebenaran. Isu juga melibatkan bidangkuasa Mahkamah ini untuk mendengar dan memutuskan kes ini. Mahkamah telah memutuskan bahawa ianya perlu dihujah atas substantive. Ianya melibatkan persoalan fakta dan undang-undang dan bukan “*plain and obvious case*” untuk dibatalkan.

[12] Mahkamah ini berpandukan kepada kes Mahkamah Rayuan, iaitu *Sivarasa Rasiah & Ors v. Che Hamzah Che Ismail & Ors* [2012] 1 CLJ 75; [2012] 1 MLJ 473, di mana diputuskan seperti berikut:

“A striking out order should not be made summarily by the court if there is issue of law that requires lengthy argument and mature consideration. It should also not be made if there is issue of fact that is capable of resolution only after taking *viva voce* evidence during trial.”

[13] Dalam kes *QSR Brands Bhd v. Suruhanjaya Sekuriti & Anor* [2006] CLJ 532; [2006] 3 MLJ 164 pada muka surat 537 diputuskan bahawa:

“It is settled law that leave to apply for an order to file proceedings for judicial review should not be refused unless the

application is frivolous or vexatious. In other words, the sole questions at the leave stage is whether the application is frivolous. Frivolous or vexatious action or statement is generally referred to as groundless action or statement with no prospect of success or wanting in *bona fide* or when it is not calculated to lead to any practical result. It is often raised to embarrass or annoy the other party to the action.”

(see *Attorney-General* [2007] 6 MLJ 446 at 459 of *The Duchy of Lancaster v. London And North Western Railway Co* [1892] CA 274), *Malayan Banking Berhad v. Gan Kong Yam* [1972] 1 MLJ 32 at p 33; *Goh Koon Suan v. Heng Gek Kiau* [1991] 2 MLJ 307 at p 311; and *Clear Water Sanctuary Golf Management Bhd v. Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan & Anor* [2007] 6 MLJ 446)

**Sama ada Kandungan 1 telah diputuskan pada 4 Mac 2021, dan oleh itu doktrin-doktrin *res judicata* dan *functus officio* menghalang Mahkamah Yang Mulia ini mendengar Kandungan 21.**

[14] Mahkamah ini tidak bersetuju bahawa Mahkamah ini adaiah *functus officio* atau prinsip *res judicata* terpakai. Keputusan Mahkamah dalam memberikan kebenaran Semakan Kehakiman bukan merupakan keputusan muktamad. Mahkamah juga boleh membatalkan perintah kebenaran semakan kehakiman sekiranya terdapat persoalan yang kemudiannya akan menyebabkan pendengaran atas isu substantive itu adaiah sia-sia seperti dalam kesOng **Keh Keong** (*supra*), Namun ianya wajar digunapakai sekiranya isu tersebut tidak dihujahkan pada peringkat awal kerana walaupun kebenaran telah diberikan, isu berkaitan pada peringkat kebenaran semakan kehakiman masih boleh lagi dihujah secara substantive. Ini bergantung kepada fakta kes di hadapan Mahkamah.

[15] Dalam kes ini, Mahkamah mendapati persoalan isu dan perundangan yang dibangkitkan telah dipertimbangkan semasa kebenaran semakan kehakiman. Maka ini menunjukkan ianya bukan satu persoalan yang remeh dan menyalahgunakan proses mahkamah untuk dibatalkan **bawah Aturan 18 kaedah 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012**. Ianya wajar didengar untuk diputuskan pada peringkat substantive dan bukan dengan melihat kepada affidavit saja, seperti mana peringkat kebenaran semakan kehakiman. Ini adalah kerana substantive dan merit kes belum didengar dan diputuskan.

### **Kesimpulan**

Dalam kes ini, Permohonan Lampiran 21 adalah persoalan yang telah diputuskan masa kebenaran diberikan dan pada peringkat ini wajar diteruskan dengan pendengaran merit kes dan bukan hanya kepada affidavit atau “case statement” sahaja. Mahkamah berpandangan Lampiran 21 ini wajar ditolak dan pendengaran Lampiran 12 diteruskan.

Namun pada 28 haribulan Mac 2021, iaitu hari keputusan untuk lampiran 12, pihak Pemohon telah menarik balik Lampiran 12. Tindakan ini telah menjadikan Lampiran 21 sebagai isu akademik.

Atas perkembangan tersebut, Mahkamah ini telah membatalkan Lampiran 12 dan juga Lampiran 21 tanpa kos kerana ia melibatkan kes kepentingan awam.

**(AZIZAN MD ARSHAD)**

Pesuruhjaya Kehakiman

Mahkamah Tinggi Malaya di Pulau Pinang

**Bertarikh:** 28 MAC 2022



**KAUNSEL:**

*Bagi pihak pemohon - Gunamalar Joorindanjn; M/s Gunamalar Law Chambers*

Suite C-3A-3A, Seri Gembira Avenue,  
No. 6 Jalan Senang Ria, Happy Garden,  
58200 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

*Bagi pihak responden - Huda Syamiiah Zainal Alaudin; M/s Huda Zainal Law Firm*

116D, Lebuh Sungai Ara 1,  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang

*Bagi pihak responden - Rahazlan Affandi Abdul Rahim; Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang*

Bangunan Persekutuan,  
Jalan Anson, Pulau Pinang  
10400 Pulau Pinang

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Ong Keh Keong v. Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam [2020] MLJU 1285*

*Bandar Builder Sdn Bhd v. UMBC [1993] 3 MLJ36*

*Sivarasa Rasiah & Ors v. Che Hamzah Che Ismail & Ors [2012] 1 CLJ 75; [2012] 1 MLJ 473*

*Brands Bhd v. Suruhanjaya Sekuriti & Anor [2006] 3 MLJ 164; [2006] CLJ 532*

**Perundangan yang dirujuk:**

Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, A. 18 k. 19, A. 53 k. 3(1), 7, 9